

NOTA LENGKAP HUKUM TAJWID AL-QURAN

UST.HJ.MOHD SALEH BIN RAMLI
PENSYARAH MAAHAD TAHFIZ NEGERI PAHANG

(BAHAGIAN 1)

JENIS KESALAHAN DALAM BACAAN AL-QURAN

لحن الجلي

- Tertukar huruf/ baris

لحن الخفي

- Tertinggal dengung/ mad/ sifat

TAJWID AL-QURAN BAB MAKHRAJ HURUF

UST.HJ.MOHD SALEH BIN RAMLI
PENSYARAH MAAHAD TAHFIZ NEGERI PAHANG

MAKHRAJ HURUF





MAKHRAJ RONGGA MULUT

- Makhrajnya : dari rongga kerongkong hingga rongga mulut
- Terdapat 3 huruf yang keluar yaitu huruf mad ;

ا , و , ي

- Digelar huruf هَوَائِيَّةٌ atau جَوْفِيَّةٌ.


Makhrāj Jaufi



MAKHRAJ KERONGKONG

- ▶ Terdapat 3 bahagian makhraj pada rongga kerongkong :-
 - Pangkal kerongkong hurufnya : ه , ء
 - Tengah kerongkong : ح , ع
 - Hujung kerongkong : خ , غ

Makhrāj Halqī



MAKHRAJ BIBIR

- ▶ Terdapat 2 bahagian makhraj pada bibir :-
 - Bibir mulut dalam : ف
 - Bibir mulut luar : و , ب , م

MAKHRAJ HIDUNG


- ▶ Terdapat 2 bahagian makhraj pada hidung :-
 - Dengung huruf mim
 - Dengung huruf nun

MAKHRAJ LIDAH


- ▶ Terdapat 4 bahagian makhraj pada lidah :-
 1. Pangkal lidah : ق , ك
 2. Pertengahan lidah : ج , ش , ي
 3. Tepi lidah : ض , ل
 4. Hujung lidah : ن , ر , ت , د , ط , ص , ز , س , ظ , ث , ذ

PANGKAL LIDAH

● أقصى اللسان:



(ك)




(ق)


PERTENGAHAN LIDAH

الحنك الاعلى


● وسط اللسان:



(ي)




(ش)




(ج)

TEPI LIDAH

● حافة اللسان:




(ل)



(ض)


HUJUNG LIDAH

● طرف اللسان:



(ج)


-٢



(ن)

-١


HUJUNG LIDAH



(ط)


٣- د.ت.ط:

وتخرج من طرف اللسان
العريض مع أصول
الثايا العليا



(ت.د)


HUJUNG LIDAH



(ز،س)


٤- ص، ز، س:

يُتَخَرَجُ مِنْ بَيْنِ رَأْسِ اللِّسَانِ
مَعَ صَفْحَةِ الثَّنَائِيَا السُّفْلَى



(ص)


HUJUNG LIDAH



(ث، ذ)


٥- ظ، ث، ذ:

وتخرج من طرف اللسان
مع أطراف الشايبا العليا




(ظ)

Makhraj Lisani



RAJAH MAKHRAJ HURUF



5 Tempat Keluar Huruf

1. Rongga mulut dan kerongkong اوي
2. Bahagian kerongkong ه ه ح ع خ غ
3. Bahagian hidung م ن
4. Bahagian bibir mulut م ب ف
5. Bahagian lidah ق ك ج ش ي ض ل ن ر ت د ط ص س ز ث ذ ظ

TAJWID AL-QURAN

BAB SIFAT HURUF

UST.HJ.MOHD SALEH BIN RAMLI
PENSYARAH MAAHAD TAHFIZ NEGERI PAHANG

SIFAT-SIFAT HURUF

SIFAT HURUF ADA 17 (10 BERPASANGAN/ 7 TUNGGAL)

SIFAT BERLAWAN

JAHAR

HAMAS

SYIDDAH

RAKHAWAH

ISTI'LA'

ISTIFAL

ITBAQ

INFITAH

ISMAT

IZLAQ

TUNGGAL

TAFASSYI

TAWASSUT

TAKRIR

**SOFIR,
QALQALAH**

**ISTITOLAH,
INHIRAF**

JAHAR VS HAMAS

- **JAHAR** ialah nafas tertahan ketika menyebut hurufnya. Terdapat 19 huruf iaitu :-

عَظْمَ وَزَنْ قَارِي ذِي غَضٍّ جِدُّ طَلَبَ

- **HAMAS** ialah nafas terlepas ketika menyebut hurufnya. Terdapat 10 huruf iaitu :-

فَحْنُهُ شَخْصٌ سَكَّتَ

PERHATIAN : Hati-hati ketika menyebut huruf ta' dan kaf yang berbaris kerana sifat syiddahnya

SYIDDAH VS RAKHAWAH

- **SYIDDAH** ialah suara tertahan ketika menyebut hurufnya. Terdapat 8 huruf iaitu :-

أَجِدُ قَطُّ بَكْتُ

- **RAKHAWAH** ialah suara terlepas ketika menyebut hurufnya. Terdapat 16 huruf iaitu :-

حُدَّ غَتْ حَظَّ فَضَّ شَوْصَ زَيَّ سَاهِ

PERHATIAN : Terdapat 5 huruf ditengah-tengah antara dua sifat ini yang dipanggil **TAWASSUT** iaitu :-

لَيْنٌ عُمَرُ

ISTI'LA' VS ISTIFAL

- **ISTI'LA'** ialah terangkat pangkal lidah ke langit-langit ketika menyebut hurufnya. Terdapat 7 huruf iaitu :-

حُصَّ ضَعَطِ قِظْ

- **ISTIFAL** ialah tidak terangkat pangkal lidah ketika menyebut hurufnya. Terdapat 22 huruf iaitu :-

أُنشِرْ حَدِيثَ عِلْمِكَ سَوْفَ تُجَهَّزُ بِذَا

ITBAQ VS INFITAH

- **ITBAQ** ialah terangkat lidah menutupi langit-langit ketika menyebut hurufnya. Terdapat 4 huruf iaitu :-

ص , ض , ط , ظ

- **INFITAH** ialah terbuka ruang antara lidah dan langit-langit ketika menyebut hurufnya. Terdapat 22 huruf iaitu :-

مَنْ أَخَذَ وَجَدَ سَعَةً فَرَكَا حَقُّ لَهُ شَرْبٌ غَيْثٍ

IZLAQ VS ISHMAT

- **ISHMAT** ialah tertahan dari segera keluar ketika menyebut hurufnya. Terdapat 23 huruf iaitu :-

جَزُّ غِشٍّ سَاخِطٍ صَدِّ تِقَّةٍ إِذْ وَعَظُهُ يَحُضُّكَ

- **IZLAQ** ialah lancar dan mudah menyebut kerana hurufnya keluar dari hujung lidah dan dua bibir. Terdapat 6 huruf iaitu :-

فِرٌّ مِنْ لُبٍّ

SIFAT TUNGGAL

- **SOFIR** ialah menyebut hurufnya dengan bunyi desiran yang kuat menyerupai suara binatang. Terdapat 3 huruf iaitu :-

ص , ز , س

- **QALQALAH** ialah lantunan suara yang kuat pada makhraj kerana tekanan yang kuat ketika menyebutnya. Terdapat 5 huruf iaitu :-

قَطْبٌ جَدِّ

PERHATIAN : Hati-hati dengan bentuk lantunan bagi 3 jenis qalqalah

SIFAT TUNGGAL

- **INHIRAF** ialah melencong huruf dari makhrajnya ke makhraj lain ketika menyebutnya. Terdapat 2 huruf iaitu :-

ل, ر

- **ISTITOLAH** ialah memanjang iaitu makhraj hurufnya memanjang dibahagian tepi lidah sehingga ke makhraj lam. Terdapat 1 huruf iaitu :-

ض

TAJWID AL-QURAN


BAB NUN MATI DAN TANWIN

UST.HJ.MOHD SALEH BIN RAMLI
PENSYARAH MAAHAD TAHFIZ NEGERI PAHANG

IZHAR HALQI

- ▶ Maksud dari segi bahasa : Menyatakan sesuatu
- ▶ Maksud dari segi istilah ilmu tajwid : Menjelaskan bunyi nun mati atau tanwin dari makhrajnya tanpa dengung pada pertemuannya dengan huruf izhar

HURUF IZHAR HALQI



CONTOH IZHAR DALAM AL-QURAN

مِنْ حَيْثُ	سَلَامٌ هِيَ	يَوْمَئِذٍ خَاسِعَةٌ
مِنْ خَشْيَةٍ	فَطَّا غَلِيظًا	قَرْيَةٍ أَهْلَكْنَاهَا
مِنْ عِنَابٍ	عَذَابٌ أَلِيمٌ	رِزْقًا حَسَنًا

CARA BACAAN IZHAR

- ▶ Menyatakan/menzahirkan bacaan tanda sukunnya dengan hujung lidah diangkat menekan pada gusi gigi depan sebelah atas makhraj nun.
- ▶ Bacaan tanpa dengung iaitu sifat dengung pada nun mati dan tanwin tidak disempurnakan dan tidak dipanjangkan sampai dua harkat.

فَمَنْ خَافَ مِنْ مُوسٍ جَنَفًا أَوْ إِثْمًا فَأَصْلَحَ بَيْنَهُمْ فَلَا إِثْمَ
عَلَيْهِ إِنْ أَلَّاهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿١٨٢﴾ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ
عَلَيْكُمْ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ
لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٨٣﴾ أَيَّامًا مَعْدُودَاتٍ فَمَنْ كَانَ مِنْكُمْ
مَرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِنْ أَيَّامٍ أُخَرَ وَعَلَى الَّذِينَ
يُطِيقُونَهُ فِدْيَةٌ طَعَامُ مِسْكِينٍ فَمَنْ تَطَوَّعَ خَيْرًا فَهُوَ خَيْرٌ
لَهُ وَأَنْ تَصُومُوا خَيْرٌ لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١٨٤﴾

MAKSUD IKHFA'

- ▶ Dari segi bahasa : Tersembunyi
- ▶ Dari segi Istilah ilmu Tajwid : membaca huruf bertanda sukun dengan sifat bacaan antara izhar dan idgham serta mengekalkan sifat dengung huruf pertama

HURUF-HURUF IKHFA'

صف / ذا / ثنا / كم / جاد / شخص / قد

/ سما / دم / طيبا / زد / في / تقى / ضح / ظالما

ا ب ت ث ج ح خ د ذ ر ز

س ش ص ض ط ظ ع غ ف ق

ك ل م ن و ه ء ئ

ت :	أَنْتُمْ	حَلِيَّةٌ تَلْبَسُونَهَا	ث :	أُنْشَى	يَوْمًا ثَقِيلًا
ج :	مَنْ جَاءَ	فَصَبْرٌ جَمِيلٌ	د :	مِنْ دَابَّةٍ	كَأَسًا دِهَاقًا
ذ :	مَنْ ذَا الَّذِي	بَاسِطٌ ذِرَاعَيْهِ	ز :	أَنْزَلْنَاهُ	نَفْسًا زَكِيَّةً
س :	الْإِنْسَانَ	بَقَرَاتٍ سِمَانٍ	ش :	مَنْشُورًا	بَأْسٍ شَدِيدٍ
ص :	يَنْصُرُكُمْ	رِيحًا صَرْصَرًا	ض :	مَنْضُودٍ	قَوْمًا ضَالِّينَ
ط :	يَنْطِقُ	حَيَاةً طَيِّبَةً	ظ :	أَنْظُرُ	ظِلًّا ظَلِيلًا
ف :	أَنْفُسَكُمْ	شَيْئًا فَرِيًّا	ق :	مُنْقَلَبًا	سَمِيعٌ قَرِيبٌ
ك :	أَفَمَنْ كَانَ	قَوْلًا كَرِيمًا			

CARA BACAAN IKHFA'



Apabila nun mati atau tanwin bertemu huruf ikhfa Qaf (ق)
atau Kaf (ك) dibaca dengan bunyi "ing"

مِنْ قَبْلُ

۳۱

إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ

وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً

Ming

Ing

وَلَا تَشْتَرُوا بِآيَاتِي ثَمَنًا قَلِيلًا

dungng

BEZA IZHAR, IKHFA' DAN IDGHAM

- ▶ IZHAR : mengekalkan zat huruf dengan menyatakan mahkraj dan sifatnya
- ▶ IDGHAM KAMIL : menghilangkan mahkraj dan sifat huruf
- ▶ IDGHAM NAQIS : menghilangkan mahkraj tapi mengekalkan sifat huruf
- ▶ IKHFA' : menyembunyikan mahkraj dan sifat huruf serta mengekalkan sifat dengung. Hujung lidah diangkat tapi tidak menekan pada gusi gigi depan sebelah atas mahkraj nun.

PERHATIAN

- ▶ Dengung ikhfa; dibaca dengan tebal apabila bertemu dengan huruf yang tebal

وَعَتَوْا كَبِيرًا → Bunyi = wang

أَنْ كُنَّا أَوْلَ الْمُؤْمِنِينَ → Bunyi = Ang

وَاللَّهُ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ → Bunyi = Ing

إِنَّ هَؤُلَاءِ لَشَرِيْمَةٌ قَلِيلُونَ → Bunyi = Tung

وَكُنُوزٍ وَمَقَامٍ كَرِيمٍ → Bunyi = Ming

MAKSUD IDGHAM

- ▶ Dari segi bahasa : memasukkan sesuatu ke dalam sesuatu
- ▶ Dari segi istilah ilmu tajwid : memasukkan huruf pertama yang bertanda sukun ke dalam huruf kedua yang berbaris menjadi kedua2nya huruf yang bersabdu

HURUF-HURUF IDGHAM

انخفاء

تثج

دذر

سشص

ضظ

فقك

اقلاب

ب

ادغام


رل

منوي

اظهار

احخ

عغ ه



BAHAGIAN IDGHAM

IDGHAM MA'AL GHUNNAH

- Dibaca dengan dengung

IDGHAM BILA GHUNNAH

- Dibaca tanpa dengung

CONTOH IDGHAM MA'AL GHUNNAH


Nun mati	Tanwin	Hurup Idgham
أَنْ يَفْقَهُوهُ	حِسَابًا يَسِيرًا	ي
لَنْ نَدْخُلَهَا	عَامِلَةٌ نَاصِبَةٌ	ن
عَنْ مَنْ	بِسُلْطَانٍ مُّبِينٍ	م
مِنْ وَرَاءِ	خَيْرٌ وَأَبْقَى	و


CONTOH IDGHAM BILA GHUNNAH

Nun mati	Tanwin	Huruf Idgham
مِنْ رَّحْمَتِي	تَوَّابًا رَّحِيمًا	ر
يُبَيِّن لَّنَا	بِمُؤْمِنِينَ لَّنَا	ل

SYARAT IDGHAM

- ▶ Idgham mesti berlaku di dalam dua perkataan. Sekiranya nun mati atau tanwin bertemu dengan huruf idgham dalam satu perkataan, maka dibaca dengan izhar (izhar mutlaq).


▶  طَلَّعَهَا قِنْوَانٌ دَانِيَةٌ

 فِي الْحَيَوَةِ الدُّنْيَا

 أَسَّسَ بِذِكْنَتِهِ

 وَنَخِيلٌ صِنْوَانٌ

IZHAR MUTLAK JUGA PADA AWAL SURAH YASIN DAN AWAL SURAH NUN



MAKSUD IQLAB

- ▶ Dari segi bahasa : menukarkan sesuatu kepada sesuatu
- ▶ Dari segi istilah ilmu tajwid : menukarkan lafaz nun sukun dan tanwin kepada lafaz mim lalu diikhfa'kan di sisi huruf ba' serta mengekalkan sifat dengungnya.

HURUF-HURUF IQLAB

انخفاء

تثج

دذر

سشص

ضطظ

فقك

اقلاب

ب

ادغام


رل

منوي

اظهار

احخ

عغ ه



CONTOH IQLAB

مُحِيطٌ بِالْكَافِرِينَ

أَلَيْمٌ بِمَا صُمِّمَ بِكُمْ

مِنْ بَعْدِهِمْ

أَمَدًا بَعِيدًا

يُنَبِّغِي

عَلَيْمٌ بِذَاتِ

عَنْ بَعْضِ

سَيِّئِهِ بِمَا

KHILAF BACAAN IQLAB

- ▶ Ada ulamak tajwid berpandangan bahawa Iqlab ialah menukarkan lafaz nun mati atau tanwin kepada huruf mim lalu tidak diikhfa'kan.
- ▶ Maka bacaannya bibir mulut dirapatkan

CARA BACAAN IQLAB

```
graph TD; A[CARA BACAAN IQLAB] --> B[RAPAT BIBIR]; A --> C[RENGGANG BIBIR];
```

RAPAT BIBIR

RENGGANG
BIBIR

HUKUM NUN DAN MIM MUSYADDAH

- ▶ Hukum nun dan mim musyaddah dinamakan sebagai wajibal ghunnah



CARA BACAANNYA

- Wajib menyatakan sifat dengungnya dengan sempurna sebanyak dua harakat samada ketika wasal atau waqaf.


أَجَلٌ لَكُمْ لَيْلَةَ الصِّيَامِ الرَّفْتُ إِلَى نِسَائِكُمْ هُنَّ لِبَاسٌ لَكُمْ وَأَنْتُمْ لِبَاسٌ لَهُنَّ عَلِمَ اللَّهُ

أَنَّكُمْ كُنْتُمْ تَخْتَانُونَ أَنْفُسَكُمْ عَلَيْكُمْ وَعَفَا عَنْكُمْ فَالْآنَ بَشِرُوهُنَّ وَأَبْتَغُوا مَا

هُنَّ لِبَاسٌ لَكُمْ وَأَنْتُمْ لِبَاسٌ لَهُنَّ

MAKSUD DENGUNG

Mengeluarkan bunyi melalui hidung atau suara lembut yang keluar dari rongga hidung berikutan menurunkan anak lidah dan terbukanya langit-langit lembut



TERTIB KESEMPURNAAN DENGUNG

1

- Wajibal ghunnah

2

- Idgham

3

- Ikhfa'

4

- Izhar

5

- Huruf berbaris

MAKSUD KESEMPURNAAN DENGUNG


- ▶ Dengungnya dibaca 2 harkat dan makhrajnya tidak berpindah dan tidak berubah

TAJWID AL-QURAN

BAB MIM MATI

UST.HJ.MOHD SALEH BIN RAMLI
PENSYARAH MAAHAD TAHFIZ NEGERI PAHANG

HUKUM MIM MATI



IKHFA' SYAFAWI

- ▶ Huruf Ikhfa' ada satu iaitu huruf ba.
- ▶ Ia berlaku apabila mim mati bertemu dengan huruf ba' dalam dua kalimah sahaja

CONTOH IKHFA' SYAFAWI

وَمَنْ يَعْتَصِمُ بِاللَّهِ

وَمَا هُمْ بِخَارِجِينَ

تَقِيكُمْ بِأَسْكُمُ

وَهُمْ بَدَاءُكُمْ

أَنْفُسَكُمْ بِاتِّخَاذِكُمْ

CARA BACAAN IKHFA'

- ▶ Menyembunyikan bunyi mim mati ke dalam huruf ba' serta dengung
- ▶ Cara bacaan ikhfa' syafawi adalah sama seperti hukum iqlab iaitu tidak boleh merapatkan dua bibir tetapi hendaklah direnggangkan sedikit.
- ▶ Jika dirapatkan maka ia akan menjadi Idgham Misliani Soghir.

KENAPA IA DINAMAKAN IKHFA' SYAFAWI

- ▶ Dinamakan ikhfa' syafawi kerana ia berlaku pada makhraj bibir di mana huruf mim keluar dari dua bibir.

IDGHAM MISLAIN

- ▶ Huruf Idgham mislian ada satu iaitu huruf mim.
- ▶ Ia berlaku apabila mim mati bertemu dengan huruf mim.

CONTOH IDGHAM MISLAIN

لَهُمْ مَشَاوٍ

شُهُدَاءَ كُمْ مِّنْ

مِثْلَهُمْ مَعَهُمْ

أَجْرَهُمْ مَرَّتَيْنِ

فِي قُلُوبِهِمْ مَرَضٌ

وَإِنْ كُنْتُمْ مَرْضَىٰ

CARA BACAAN IDGHAM MISLAIN

- ▶ Memasukkan bunyi nun mati ke dalam huruf selepasnya serta dengung 2 harakat

NAMA LAIN BAGI IDGHAM MISLAIN

- ▶ Ia juga digelar sebagai idgham mislaini soghir kerana hurufnya yang serupa dari segi makhraj dan sifat serta huruf pertamanya yang mati

رَبِحَتْ بِجَارَتِهِمْ ضَرِبَ بِعَصَاكَ وَقَدَدَ خَلُوا
يُدْرِكُكُمْ ءَاوُوا وَنَصَرُوا بَلْ لَا تُكْرِمُونَ

PERBEZAAN IDGHAM SOGHIR DAN IDGHAM KABIR

SOGHIR

KABIR

Huruf pertama mati

Huruf pertama berbaris

رَبِّكَ يَحْيَىٰ بِحُرَّتِهِمْ

فَتَلَقَّ آدَمَ مِنْ

MAKSUD IZHAR SYAFAWI

- ▶ Izhar ialah jelas dan syafawi ialah kebibiran.
- ▶ Iaitu apabila mim yang mati bertemu dengan huruf selain mim dan ba' yang terdiri daripada 28 huruf.

HURUF-HURUF IZHAR SYAFAWI

أ ت ث ج ح خ د ذ ر ز س
ش ص ض ط ظ ع غ ف
ق ك ل ن و ه ي

CARA BACAAN IZHAR SYAFAWI

- ▶ Menjelaskan bunyi mim mati daripada makhrajnya tanpa dengung.
- ▶ Sifat dengungnya tidak diperpanjangkan sehingga 2 harkat. Hanya mengekalkan kadar dengung sedia ada padanya